

Inisiatif Meremajakan Industri Teksi Bersama Proton (IMTP)

Apakah Itu IMTP?

Satu program hasil kerjasama antara **Kementerian Pengangkutan (MOT)** dan **PROTON** yang bertujuan untuk memodenkan serta menjenamakan semula industri perkhidmatan teksi di Malaysia melalui penggunaan model kenderaan nasional yang lebih moden dalam perkhidmatan teksi.

Beberapa ketetapan dasar yang menjadi syarat utama termasuklah:

- **Model Kenderaan:** Terhad kepada pembelian pakej teksi model **Proton S70** yang ditawarkan di bawah program ini
- **Jenis Permohonan:** Dibuka kepada **permohonan baharu** atau **penggantian kenderaan teksi** di bawah IMTP. Bagi pemilik teksi sedia ada, mereka boleh kekal dengan kenderaan lama sehingga tamat had usia penggunaan atau sehingga mereka menukar kod kegunaan kenderaan, yang mana terdahulu
- **Insentif Pengecualian Cukai:** Bagi peserta IMTP yang mendapat **100% pengecualian duti eksais dan cukai jualan** selaras dengan Inisiatif Belanjawan Tahun 2026, syarat-syarat pelaksanaan pertukaran hak milik tertakluk kepada Garis Panduan Jabatan Kastam Diraja Malaysia¹ berkaitan pengecualian duti eksais dan cukai jualan

Siapakah Yang Layak Memohon?

- **Pemohonan baharu** bagi lesen pengendali perkhidmatan teksi individu
- **Pemilik/pengusaha teksi individu** yang ingin menukar-ganti kenderaan

¹ Garis Panduan bagi Permohonan Pengecualian Duti Eksais dan Cukai Jualan ke atas Penjualan/ Tukar Hak Milik Teksi Bajet dan Kereta Sewa Milikan Individu

Apakah Syarat-syarat Kelayakan Untuk Memohon?

- Berdasarkan dasar, peraturan, dan syarat lesen semasa bagi permohonan lesen pengendali Kenderaan Perkhidmatan Awam Teksi yang dikawal selia oleh APAD (sila rujuk laman sesawang APAD) seperti:
 - Mempunyai Lesen Memandu Vokasional (*PSV License*) yang aktif
 - Memiliki sijil pendaftaran syarikat daripada SSM yang masih dalam tempoh sah laku
- Kelulusan permohonan permit juga adalah tertakluk kepada kelulusan pembiayaan kewangan bagi pembelian pakej teksi model Proton S70 di bawah IMTP oleh badan atau institusi kewangan yang diiktiraf oleh Kerajaan

Apakah Faedah Menyertai Program IMTP?

Peserta IMTP akan menikmati pelbagai kelebihan seperti:

- **Insentif Kewangan: Pengecualian 100% duti eksais dan cukai jualan** (di bawah Inisiatif Belanjawan Tahun 2026)
- **Kemudahan Pemeriksaan Kenderaan di PUSPAKOM / PPKM Berlesen**
- **Transformasi Digital & Moden:**
 - Penggunaan **meter teksi digital** untuk ketelusan tambang (mengurangkan risiko manipulasi)
 - Paparan maklumat pemandu dan aduan secara digital melalui *infotainment head unit* atau aplikasi tanpa perlu menampal pelekat fizikal yang banyak
 - Kenderaan yang lebih selesa dan moden (Proton S70)

Bagaimanakah Untuk Memohon?

- Melalui **pembelian pakej teksi model Proton S70** yang ditawarkan di bawah program IMTP.
- Mereka yang berminat boleh menghubungi pihak **PROTON** untuk penjelasan lanjut terutamanya pakej pembiayaan, dan mengemukakan permohonan secara rasmi melalui sistem **iSPKP APAD**.

- **Pegawai PROTON yang boleh dihubungi berkenaan program IMTP:**

- Nama: **Mogan A/L Periyaswamy**

No. HP: +60 16 602 1721

Emel: moganp@proton.com

- Nama: **Anas Safiddin Bin Abdullah**

No HP: +60 12 373 9294

Emel: safida@proton.com

- Nama: **Muhammad Redzuan Bin Roslee**

No HP: +60 11 1066 7076

Emel: redzuao@proton.com